

GOLONGAN INTROVERT MEMANG PENDIAM, MEREKA BUKAN SOMBONG

Oleh: Nur Asyifa Umairah binti Rozmi, 1171223,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
Disiarkan pada 6 April 2020



Individu yang mempunyai personaliti introvert lazimnya lebih gemar menyendiri, tidak suka menjadi tumpuan serta lebih menyukai persekitaran yang tenang dan sunyi. Jika begitu, wajarkah kita menganggap personaliti introvert sebagai satu masalah?

Kita selalu mendengar kisah golongan introvert yang sukar mendapat pekerjaan, kekok bila berkomunikasi di khalayak ramai dan tidak dapat mencari pasangan disebabkan oleh rasa malu yang keterlaluan.

Mereka juga sering digambarkan sebagai tidak suka bergaul dengan orang ramai, pendiam, dan tidak suka keluar rumah.

Ramai yang beranggapan bahawa mereka yang pendiam sebagai sombong kerana dilihat tidak mahu berkawan dengan orang di sekeliling. Malah, apabila diajak bergaul, nadanya berubah seperti tidak mesra.



Menariknya, bagi sesiapa yang berkawan dengan individu introvert, mereka pasti tahu golongan tersebut sentiasa bersedia menjadi pendengar yang baik. Sama ada berita gembira atau sebaliknya, mereka sanggup mendengar apa sahaja yang ingin dikatakan oleh rakan-rakan mereka.

Walau bagaimanapun, tidak mudah bagi mereka memberi respon kecuali jika diminta untuk menyatakan pandangan atau maklum balas.

Sesetengah individu introvert lebih selesa keluar bersama orang yang rapat dengan mereka sahaja. Misalnya ahli keluarga, kerana mereka berasa lebih selamat dan tidak segan untuk meluahkan pendapat atau masalah.

Berbeza pula apabila diajak keluar oleh rakan-rakan, kemungkinan untuk mereka bersetuju sangat tipis oleh kerana wujud perasaan janggal dan tidak selesa. Lebih-lebih lagi jika bersama rakan yang berlainan jantina.

Hasil kajian dalam Facebook mengenai emosi individu introvert mendapati bahawa mereka adalah individu yang periang dan sentiasa menjalinkan interaksi sosial dengan rakan-rakan.

Namun, apabila berada dalam khalayak yang lebih luas, mereka tidak cenderung untuk memulakan hubungan dengan rakan-rakan baharu. Situasi ini membuktikan bahawa individu introvert lebih cenderung untuk bersosial dalam persekitaran yang tertutup.

Melalui prinsip yang ditetapkan oleh Islam mengenai hubungan kita dengan masyarakat, dapat difahami bahawa mereka yang suka bergaul dengan orang lain adalah lebih baik daripada golongan yang tidak suka bergaul.

Hal ini disahkan melalui sabda Rasulullah S.A.W:

“Jika seorang Muslim bergaul (berinteraksi sosial) dengan orang lain dan bersabar atas gangguan mereka, adalah lebih baik daripada seorang Muslim yang tidak bergaul (tidak berinteraksi sosial) dengan orang lain dan tidak bersabar atas gangguan mereka.” Ibnu Abi Adi berkata: Syu’bah berpendapat syeikh itu adalah Ibnu Umar. (Hadis riwayat Tirmizi no. 2431, Status Hadis Sahih)

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa Islam sangat mementingkan interaksi sesama masyarakat. Oleh itu, menjadi satu kelebihan bagi individu yang lebih banyak bergaul dengan orang lain kerana pemikiran mereka akan menjadi lebih terbuka dengan wujudnya pandangan yang berbeza.

Meskipun kita tahu personaliti introvert bukan sesuatu yang boleh diperbaiki tetapi adalah lebih baik untuk mereka 'menjinakkan' perasaan takut ketika berkomunikasi.

Pada masa yang sama, sifat pendiam pada golongan introvert bukanlah sesuatu yang negatif. Fahamilah sifat golongan berkenaan agar kita tidak tersalah anggap mereka sebagai 'kera sumbang'.